



**LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT
1998**

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR
DAN TAMAN NEGARA SEMENANJUNG MALAYSIA**
Department of Wildlife And National Parks Peninsular Malaysia

**PENYELIDIKAN DAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR/
RESEARCH AND WILDLIFE CONSERVATION**

Badak Kerbau

Secara amnya objektif utama penyelidikan badak kerbau ini adalah untuk menentukan taburan badak kerbau di Semenanjung Malaysia, menentukan populasi badak kerbau di Semenanjung Malaysia; dan tangkap dan pindah kepada individu/kumpulan badak kerbau yang difikirkan terancam. Untuk tahun 1998, beberapa siri survei/inventori badak kerbau telah dijalankan di kawasan lembah Belum. Inventori kawasan Belum kali pertama telah dijalankan pada bulan April 1998. Keputusan mendapati seekor badak kerbau telah dikesan di kawasan ulu Sungai Tiang. Di samping itu bangkai seekor badak telah dijumpai di kawasan ulu Sungai Terang, Kelantan. Pada tahun 1998 beberapa kawasan telah dapat disurvei di mana kebanyakannya tertumpu di kawasan sempadan negeri Perak - Kelantan. Secara amnya kawasan kajian ini (Lembah Belum) merangkumi kawasan seluas 2,200km². Kawasan ini termasuklah :

- a. Hutan Simpan Belum, Perak
- b. Hutan Simpan Temengor, Perak
- c. Hutan Rizab Balah, Kelantan
- d. Hutan Rizab Gunung Basor, Kelantan

Kawasan di sebelah negeri Kelantan ini dipilih kerana ianya bersempadan dengan kawasan lembah Belum dan juga di kawasan sempadan ini juga mempunyai populasi badak kerbau yang agak tinggi. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dapatlah digambarkan bahawa kawasan Lembah Belum mempunyai kedudukan populasi badak kerbau yang agak baik (9-11 ekor). Bagaimanapun kedudukan kawasan ini agak longgar dari segi keselamatan. Ini adalah kerana sesiapa saja boleh memasuki kawasan ini. Kemungkinan besar bilangan populasi yang agak baik di sini adalah disebabkan kesukaran untuk trekking di kawasan ini. Kawasan di sini adalah berbukit bukau dan bergunung ganang yang menyukarkan manusia untuk ke kawasan ini. Di samping itu penyakit malaria juga mudah dijangkiti di kawasan ini.

Sumatran Rhinoceros

The objective of this research is to identify the distribution and population of Sumatran rhino in Peninsular Malaysia and translocate the individual or herds which is thought to be threaten. In 1998, a series of survey/inventories have been conduct in Belum valley. The first inventory was conducted in April 1998 which recorded a rhino in Sungai Tiang and a carcass in the Sungai Terang's upstream, Kelantan. In 1998, few areas have being surveyed which concentrated at the boundary of Perak and Kelantan. This research covers an area of 2,200km (Belum Valley) square including :

- a. Belum Forest Reserve, Perak
- b. Temenggor Forest Reserve, Perak
- c. Balah Forest Reserve, Kelantan
- d. Mount Basor Forest Reserve, Kelantan

These area were selected because they are bound with Belum Valley and they have a high population of rhino. The record shows that the Belum Valley have a rather good population of the Sumatran Rhino (9-11 rhino). However the safety of this area is very loose because of anyone can easily enter this area. These areas have a good population maybe because of the difficulties of tracking due to it's mountainous surface and presence of malaria.

Jadual 17 : Bilangan Badak Sumatra yang terdapat di kawasan Lembah Belum
 Table 17 : The Number of Sumatran Rhinoceros located in Belum Valley

Blok/ Block	Kawasan/ Area	Bilangan/ Number	Catatan/ Note
2	Gunung Ulu Titi Basah, Perak	1 - 2	Menjalankan inventori pada Mac 1998 bersama-sama dengan Royal Forestry of Thailand/ <i>Inventori on Mac 1998 with Royal Foerst or Thailand</i>
3	Ulu Sungai Tiang, Perak	1	Inventori pada tahun 1994 dan juga survei pada tahun 1996./ <i>Inventori in 1994 and survey in 1996</i>
4	Bukit Kabut, Perak	1	Survei pada tahun 1995/ <i>Survey in 1995</i>
6	Bukit Ramin, Perak	1	Dijumpai kesan tapak di kawasan Sungai Kelawit pada tahun 1998./ <i>Foot print discovered at Sungai Kelawit in 1998</i>
7	Gunung Chamah, Kelantan	2 - 3 1	1. Tapak direkodkan pada tahun 1995 dan kesan adalah kesan kurang dari sejam./ <i>Footprint recorded in 1995 and the sign are less then one hour</i> 2. Kesan dijumpai di permatang Gunung Shoid pada tahun 1998. Di samping itu bangkai seekor badak juga dijumpai di kawasan yang sama./ <i>Sign discovered at Mount Shoid in 1998. A carcass was also found in this area</i>
8	Gunung Basor, Kelantan	1	Kesan dijumpai di kawasan permatang Gunung Basor (ulu Sungai Suda, Kelantan) pada tahun 1998./ <i>Sign discovered in Gunung Basor(upstream Sungai Suda, Kelantan)</i>
9	Gunung Anak Noring, Kelantan	1	Satu ekor bangkai badak kerbau dijumpai di kawasan ulu Sungai Terang (Terang Water Intake) dan kesan seekor badak lain juga ditemui pada tahun 1994./ <i>A Sumatran Rhino carcass was found at Terang Water Intake and sign of other Sumatran Rhino were found in 1994</i>
Jumlah/ Total		9 - 11 Ekor/ animals	

Rajah 3. Kedudukan blok-blok kajian Badak Kerbau
Figure 3. Location of Study Blocks

